

Kos ubah suai bilik stor rumah Najib lebih RM200,000

> Kerja pembinaan babit dapur kering, almari pakaian: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Farah Marshita Abdul Patah, Fatin Hafizah Mohd Shahar dan Siti Nurazlinee Azmi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerja pengubahsuaian bilik stor yang mengandungi almari pakaian dan dapur kering untuk kediaman Datuk Seri Najib Razak di Langgak Duta di sini, berjumlah lebih RM200,000.

Pemilik syarikat pembinaan dan hiasan dalaman, ABS Trend Master Sdn Bhd, Zulkamain Mohamad, 46, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam, beliau menerima panggilan telefon daripada pengurus kediaman Najib yang dikenali sebagai Amirul Hadi, memintanya melakukan kerja pengubahsuaian stor dan kabinet dapur.

"Saya tanya Amirul Hadi, ini rumah siapa, dia kata ini rumah orang nombor satu, saya cakap saya tidak mampu, saya tidak layak, tapi dia kata awak boleh buat," katanya.

Zulkarnain yang juga saksi keenam, berkata beliau kemudian ke kediaman rasmi itu, untuk melihat kawasan luar rumah di bahagian belakang dan membuat ukuran.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, pada sesi pemeriksaan utama, Zulkarnain berkata, beliau pada mulanya menerima panggilan daripada Amirul Hadi untuk menjalankan kerja terbabit.

"Saya tanya ini rumah siapa dan Amirul Hadi jawab rumah Najib 'orang nombor satu'. Saya beritahu saya tidak mampu dan tidak layak, bagaimanapun Amirul beritahu saya boleh buat.

"Kemudian saya tengok dan ukur apa yang hendak dibuat, Amirul Hadi jelaskan apa yang hendak dibuat iaitu stor, dapur kering dan almari pakaian.

"Selepas ukur saya beri sebut harga sama ada RM234,000 atau RM243,000 saya tidak ingat, se-

SRC

lepas e-mel lukisan dan beri sebut harga kami mencapai persetujuan untuk memulakan kerja," katanya.

Bayaran pendahuluan RM50,000

Saksi keenam pendakwaan itu berkata, beliau dibayar wang pendahuluan RM50,000 dan bayaran RM100,000 selepas separuh kerja pembinaan dijalankan melalui cek.

Ditanya sebesar mana bilik stor itu mengambil kira anggaran bilik bicara mahkamah, beliau menjawab "anggaran 1/3 daripada bilik mahkamah'.

Menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi soal balas, Zulkamain berkata, beliau tidak menjalankan kerja jika Najib berada di rumah kerana boleh menyebabkan gangguan.

Muhammad Shafee: Dua, tiga kali seminggu Najib ada di rumah. Ada nampak keramaian?

Zulkarnain: Saya tahu ada khemah tapi setiap khamis malam Jumaat ada anak yatim baca Yasin. Saya tahu (anak yatim) sebab mereka pakai baju putih (keterangan itu menyebabkan semua yang berada di mahkamah ketawa).

Muhammad Shafee: Ada nampak keramaian politik?

Zulkarnain: Ada nampak orang keluar masuk.

Muhammad Shafee: Kamu tahu stor yang ada almari pakaian dibuat untuk tugas rasmi Perdana Menteri? Kamu tahu mungkin tidak muat sampai kena buat sektor?

Zulkarnain: Saya tidak pasti tapi untuk letak pakaian.

Muhammad Shafee: Kamu tidak pernah naik atas untuk tengok kabinet baju itu cukup atau tidak?

Zulkarnain: Tidak

Sementara itu, saksi ketujuh pendakwaan, pemilik syarikat MOZ Malaysia Sdn Bhd, Mohammed Zakariyya Zearat Khan, berkata beliau melakukan kerja pembaikan dan pemasangan

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH]



Badrul Hisham (kanan) bersama Zulkamain hadir pada perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

dua tangki air dengan kapasiti 12,000 liter (1), sistem perpaipan baharu dan rumah pam di luar kediaman Najib dengan kos RM56,500.

Mohammed Zakariyya, 35, yang juga pemilik MOZ (M) Sdn Bhd, berkata kerja pembinaan dan pembaikan itu dilakukan

pada 12 Februari 2015 selama dua minggu.

Katanya, bagi kerja itu syarikatnya menerima pembayaran berjumlah RM56,500 melalui cek.

Terima panggilan dari SYABAS

"Saya mulanya menerima panggilan daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bahawa terdapat gangguan bekalan air di kediaman bekas perdana menteri itu.

"Tangki di rumah itu menyimpan sehingga 6,000 liter air dan pemasangan sistem paip baharu dapat membantu mengepam air ke rumah Najib yang terletak di kawasan berbukit.

"Bayaran itu dibuat melalui pembayaran cek yang diberikan oleh pengurus kediaman Amirul Hadi kepada saya," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan berhubung pembinaan tangki air, ditanya Muhammad Shafee sama ada pembinaan dua tangki air adalah kemewahan atau keperluan, Mohammed Zakariyya menjawab, "keperluan'.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung Isnin depan.

Saya tanya ini rumah siapa dan Amirul Hadi jawab rumah Najib 'orang nombor satu'. Saya beritahu saya tidak mampu dan tidak layak, bagaimanapun Amirul beritahu saya boleh buat"

Zulkarnain Mohamad, Pemilik syarikat pembinaan dan hiasan dalaman, ABS Trend Master Sdn Bhd